

31/08/1997

MCA lulus 14 resolusi

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung MCA ke-44 di sini semalam sebulat suara meluluskan 14 resolusi termasuk meminta kerajaan memastikan agensi yang diswastakan terus memberi perkhidmatan yang cekap tanpa memberi bebanan kewangan tambahan kepada rakyat.

Perwakilan juga mahu agensi terbabit mengutamakan tanggungjawab sosial dan tidak hanya mencari keuntungan.

Mengenai bidang pendidikan yang enam resolusi dibentangkan, perwakilan menyatakan sokongan kepada usaha kerajaan yang menggalakkan pembangunan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta.

Kata mereka, ini sejajar hasrat Malaysia menjadi pusat kecemerlangan serantau.

Dalam memberi penghargaan kepada dasar pendidikan kerajaan yang liberal, perwakilan juga meminta kerajaan menubuhkan lebih banyak sekolah rendah Cina di kawasan yang mempunyai penduduk ramai untuk menangani masalah kekurangan bilik darjah.

Mereka juga mahu kerajaan mengambil langkah dan memberi insentif untuk melatih lebih ramai guru sekolah rendah Cina.

Persatuan dan pertubuhan Cina di seluruh negara perlu menggalakkan lebih ramai kaum Cina menyertai bidang perguruan.

Mengenai sayap wanita MCA, perwakilan mengiktiraf fungsi mereka dan bersetuju supaya perlembagaan parti dipinda untuk membolehkan sekurang-kurangnya seorang perwakilan wanita mewakili setiap bahagian dalam perhimpunan agung.

Perwakilan turut menyatakan sokongan kepada kenyataan presiden parti supaya diwujudkan bangsa Malaysia.

Mereka menyokong projek Koridor Raya Multimedia dan mahu jawatankuasa khas ditubuhkan dalam parti untuk menangani amalan politik wang.

Perhimpunan agung satu hari itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)